

CUEPACS tuntutan bonus dua bulan gaji

KOTA BHARU 5 Okt. – Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menuntut kerajaan mempertimbangkan pemberian bonus dua bulan gaji kepada kakitangan awam tahun ini.

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, pihaknya berharap pemberian bonus tersebut diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober depan.

“Dalam apa keadaan sekalipun, kerajaan harus mempertimbangkan pemberian bonus kepada penjawat awam. Dua bulan adalah angka yang relevan buat masa ini, selain sesuai dengan keadaan ekonomi semasa.

“Kita tidak menggunakan ugutan atau desakan. Kalau tidak minta dengan kerajaan, kita mahu minta dengan siapa lagi. Kos sara hidup yang melonjak naik menyebabkan rakyat tertekan dari segi kewangan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penerangan Isu-Isu Semasa Penjawat Awam di Dewan Serbaguna Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di sini hari ini.

Sempena majlis tersebut, beliau turut merasmikan pejabat Kesatuan Kakitangan Kada.

Dalam pada itu, Azih berkata, pihaknya juga berharap kerajaan tidak membuat sebarang penarikan subsidi termasuk subsidi perubatan seperti yang digembar-gemburkan.

“Usaha untuk menjaga kebajikan penjawat awam adalah agenda utama CUEPACS, jadi kita berharap khabar angin yang menyatakan kerajaan akan menarik balik subsidi tidak berlaku.

“Kami yakin tiada penarikan subsidi berlaku sekiranya kerajaan melihat penjawat awam sebagai institusi penting dan ingin merakyatkan penjawat awam,” katanya.

Tambah beliau, pihaknya juga meminta kerajaan supaya menghentikan pengambilan pekerja asing ke negara ini.

“Kita minta cukuplah kerajaan membenarkan kemasukan pekerja asing, ambillah pekerja tempatan. Kalau tiada had untuk pengambilan pekerja asing, rakyat tempatan akan menjadi susah.

“Kita perlu melatih pekerja tempatan untuk memenuhi industri kerja. Pekerja kita bagus tetapi industri mahu bayaran murah. Pekerja asing tiada masalah dengan bayaran murah kerana mereka tiada komitmen,” katanya.